

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PELANCARAN YAYASAN PROGRAM PERTUKARAN FELLOWSHIP

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 JUL 1995

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia kerana menjemput saya untuk melancarkan Yayasan ini malam ini. Saya percaya Yayasan ini akan menjadi penyumbang besar kepada usaha kita mencapai matlamat Wawasan 2020.

2. Apabila kita bercakap tentang sebuah Malaysia yang mencapai taraf maju, pendidikan dan pembangunan manusia merupakan asas yang sangat penting. Negara tidak akan dapat mencapai matlamat yang terkandung di dalam Wawasan 2020 itu sekiranya kita tidak menyediakan prasarana dan landasan yang kukuh.

3. Sumber yang paling utama bagi sesebuah negara selain daripada pengeluaran sumber asli ialah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya sendiri. Kekuatan minda kita jauh lebih hebat dan berharga daripada sumber alam yang ada. Ini telah pun dibuktikan oleh beberapa negara yang pesat maju walaupun tidak mempunyai sumber asli yang banyak.

4. Justeru itu, untuk mencapai kejayaan cemerlang pada masa akan datang, kita harus memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap pembangunan sumber manusia yang amat penting ini.

5. Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia ini merupakan satu program yang istimewa kerana ia mengambilkira bukan sahaja kepentingan masa depan negara tetapi juga menghargai sumbangan tokoh dan pemimpin yang lalu. Atas sebab-sebab itulah, program ini merupakan penghormatan kepada semua Perdana Menteri negara ini. Mereka telah memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk hingga membolehkan Malaysia berada pada tahap ekonomi sekarang.

6. Program ini juga dapat memastikan kesinambungan dasar pendidikan negara kita. Ia bukan setakat mengambilalih mana-mana bentuk sistem yang sedia ada, sebaliknya ia memainkan peranan untuk membantu atau menyokong peranan yang sedia ada.

7. Kita semua tahu bahawa pendidikan ialah teras pada pembentukan kecemerlangan dan kegemilangan tamadun sesuatu bangsa. Kerana itu tema program ini ialah kecemerlangan atau 'excellence' yang bererti kita perlu membuat perancangan, mengatur strategi dan melaksanakan kerja yang melibatkan sikap dan nilai terbaik di dalam diri kita.

8. Banyak nilai murni yang boleh memanfaatkan kita. Tetapi kadang-kala apa yang kita ambil atau tiru daripada Barat itu sebenarnya merupakan nilai yang sedia ada dalam masyarakat atau tamadun kita sendiri di Timur.

9. Saya fikir semua orang di negara ini percaya kepada pentingnya pendidikan. Keadaan bila mana rakyat kita mengabaikan pendidikan sudah lama berakhir. Bagaimanapun masih terdapat pencapaian yang berbeza-beza di antara bangsa-bangsa, kedudukan sosial malah kawasan tempat tinggal. Pendidikan tidak mungkin boleh menghasilkan manusia yang sama pencapaian dan kebolehan mereka. Tetapi perkara yang tidak boleh dinafikan ialah pendidikan dan latihan yang dibuat berulang kali akan meningkatkan pencapaian dan kebolehan mereka yang melalui proses ini. Tanpa pendidikan dan latihan secara tersusun dan teratur amat sukar bagi sesiapa meningkatkan kebolehan dan kecekapan mereka.

10. Tujuan program ini antara lain merupakan lanjutan atau 'extension' kepada program-program yang sedia ada. Yayasan yang ditubuhkan ini merupakan satu tabung amanah yang akan mengawasi dan membantu kebajikan para pelajar dan cerdik pandai Malaysia supaya mereka terus maju tanpa sebarang halangan.

11. Terasnya ialah kecintaan pada ilmu pengetahuan melalui pendidikan. Yayasan ini akan menawarkan biasiswa dan lain-lain bentuk pembiayaan pendidikan kepada rakyat Malaysia yang terbaik dan mempunyai semangat untuk memajukan diri, masyarakat, bangsa dan negaranya.

12. Saya berbangga Yayasan ini akan memberikan perhatian kepada pelbagai bidang ilmu dan teknologi. Ini termasuklah bidang-bidang lama dan baru, sains, teknologi dan sains kemanusiaan, sesuai dengan perkembangan masa depan negara.

13. Saya juga difahamkan bahawa ia merangkumi bidang-bidang kejuruteraan, pembinaan, komunikasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), perubatan, ekonomi, sains petro-kimia, teknologi maklumat, teknologi angkasa lepas, pengangkutan dan lain-lain. Bidang-bidang kemanusiaan juga tidak dilupakan. Pengkhususan tertentu dalam bidang sains sosial, sastera, budaya dan sebagainya turut dipertimbangkan.

14. Di samping itu Yayasan ini akan juga menggalakkan pertukaran maklumat, ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi pada peringkat antarabangsa. Interaksi dengan minda terbaik dalam pelbagai bidang sudah pasti akan menguntungkan pelajar-pelajar di negara ini.

15. Masa depan negara banyak bergantung pada pelaburan untuk pendidikan rakyat. Kita semua tahu proses pendidikan tidak berhenti pada mana-mana peringkat pencapaian atau usia. Pendidikan merupakan proses yang berpanjangan malah sepanjang hayat.

16. Selain itu program ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar dan individu berpotensi untuk pergi lebih jauh dan mencabar dirinya menghadapi persaingan sengit hingga pada peringkat antarabangsa. Daripada

pendedahan inilah kita dapat mengukur kualiti sebenar seseorang individu. Seorang jaguh setempat tidak akan diuji sepenuhnya hanya kalau dia berada dalam lingkungan kawan atau kepompongnya sendiri.

17. Program yang ditawarkan melalui Yayasan ini akan dapat menguji diri dan ilmunya. Di sinilah letaknya nanti para ilmuan, cerdik pandai dan pakar kita yang sebenar. Malaysia mahu melahirkan tokoh ilmuan dan cerdik pandai yang bertaraf dunia. Begitu juga, kita berharap Malaysia akan mempunyai pakar dan ahli yang boleh menjalankan kerja-kerja yang berkelas dunia.

18. Apa yang kurang bagi kita semua ialah pendedahan yang sewajarnya. Kerana itu kita harus mengetengahkan pelajar dan pakar kita kepada dunia. Mereka harus dapat berinteraksi dalam suasana profesional dan hormat menghormati. Selagi kita tidak dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan mereka, selama itulah kita tidak akan dapat berinteraksi dengan nada yang sama, selama itulah kita tidak akan dihormati.

19. Salah satu aspek penting program ini ialah untuk menjemput tokoh ilmuan dan cerdik pandai dari luar untuk memberi ceramah, berdialog serta mengadakan bengkel dan seminar. Pada waktu yang sama, tokoh ilmuan, pakar dan cerdik pandai kita harus juga diberi peluang memberikan ceramah, seminar dan pandangan pada peringkat antarabangsa.

20. Saya juga ingin mencadangkan supaya pelajar, tokoh ilmuan dan pakar kita menjadi lebih 'adventurous'. Saya tidak tahu ke mana hilangnya semangat 'adventurism' orang kita. Orang Melayu pernah mengharungi lautan dan menakluk tanah-tanah asing. Pendatang dari China dan India tidak akan sampai ke mari kalau mereka tidak cukup berani dan bersemangat waja ketika itu.

21. Mungkin juga kemewahan dan kemakmuran tanah Malaysia menyebabkan rakyat kita lebih mudah berpuas hati dengan apa yang ada. Kita tidak memerlukan cabaran seperti yang dialami oleh banyak masyarakat lain di dunia. Kita tidak ada peperangan, kebuluran atau kemiskinan teruk.

22. Kerana itu rakyat kita mengambil sikap mudah dan suka dimanjakan. Akibatnya kita hilang sifat dinamis dan semangat 'adventurism' itu. Semua ini harus berubah. Kita harus mempersiapkan minda untuk mendaki gunung paling tinggi, meneroka laut paling dalam dan mencuba bidang paling asing sekalipun.

23. Semangat 'adventurism' ini kalau dalam bidang ilmu ialah kesediaan untuk diuji dan dicabar. Kita tidak boleh mendakwa menjadi orang ilmu atau pakar sekiranya kita tidak diuji pada peringkat paling tinggi atau peringkat antarabangsa.

24. Saya harap Yayasan ini akan memilih calon yang terbaik, yang mempunyai kualiti untuk dicabar dan diuji. Saya berharap program ini akan membuahkan hasil yang diinginkan iaitu untuk menjadi pencipta, penemu, pemikir, ilmuan dan pakar dalam bidang-bidang khusus yang disegani dunia.

25. Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah

kepada para pengasas dan penyumbang kepada Yayasan ini, terutama Yang Berbahagia Tan Sri Rashid Hussain. Sumbangan dan usaha gigih mereka telah menjadikan Yayasan ini satu kenyataan.

26. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia.